

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

SOALAN : Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah dasar baru luar negara antara Malaysia dengan China memberi manfaat dagang antara kedua-dua negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia kekal mengamalkan dasar luar yang terbaik-baik dengan semua negara termasuk negara China. Sejak termeterainya hubungan diplomatik Malaysia - China pada 31 Mei 1974, kedua-dua negara telah menikmati hubungan dan kerjasama dua hala yang erat dan mesra hingga ke hari ini.

3. Hubungan dua hala di antara kedua-dua negara terus diperkukuhkan susulan dari kejayaan lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Hangzhou dan Beijing, China pada 17 hingga 21 Ogos 2018. Semasa lawatan tersebut, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk terus meningkatkan hubungan diplomatik ke tahap yang lebih tinggi dan merangkumi pelbagai bidang. Persetujuan juga telah dicapai untuk kedua-dua pihak meluaskan lagi kerjasama dalam bidang-bidang baharu termasuklah e-dagang, agri-komoditi, serta inovasi teknologi.

4. Dalam sektor ekonomi, bagi tahun 2018, China kekal sebagai rakan dagang Malaysia yang terbesar selama 10 tahun berturut-turut sejak tahun 2009. Malaysia juga kekal sebagai rakan dagangan kedua terbesar buat China di kalangan negara-negara ASEAN.

5. Pada tahun 2018, jumlah dagangan dua hala di antara Malaysia dan China telah mencecah RM313.81 billion, yang merupakan kenaikan sebanyak 8.1% berbanding tahun 2017. Pada tahun tersebut juga, nilai eksport di antara kedua-dua negara telah meningkat sebanyak 10.3% kepada RM138.88 billion manakala nilai import turut meningkat sebanyak 6.4% kepada RM174.93 billion berbanding tahun 2017.

6. Dalam perkara ini, adalah jelas bahawa amalan dasar luar Malaysia yang pragmatik dan kekal mesra dengan China terus memberi manfaat kepada hubungan dagangan di antara kedua-dua negara. Pada masa yang sama, Malaysia akan terus memacu usaha untuk meningkatkan jumlah dagangan serta mengalu-alukan pelaburan dari mana-mana negara termasuk China, selagi ianya selari dengan kepentingan negara dan dilaksanakan berdasarkan prinsip kesamarataan, saling menghormati dan menguntungkan kedua-dua negara.

Sekian, terima kasih.